

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN NO. 296

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) apakah status terkini projek pembinaan Hospital Seri Iskandar; dan
- b) adakah projek pembinaan Hospital Seri Iskandar ini akan diteruskan pembinaannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana projek ini. Projek ini akan dilaksanakan secara Tender Terbuka oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dijangka akan ditender pada bulan Disember 2019 dengan Tarikh Jangka Surat Setuju Terima (SST) adalah pada April 2020.

Sekian, terima kasih.